

Bantu Kelab Mendaki laksana program mentor

BELIAU menerima bantuan dan bimbingan agar berjaya dalam kerjaya sewaktu mula berkhidmat sebagai doktor lebih lapan tahun lalu.

Lantas Dr Noorul Fatha As'art, Penolong Pengarah Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Kementerian Kesihatan (MOH), tidak teragak-agak apabila diminta supaya menjadi mentor bagi Kelab Mendaki.

"Saya sebenarnya amat berbesar hati kerana diminta menjadi mentor bagi Kelab Mendaki.

"Apabila saya mula kerja dahulu, saya begitu menghargai pertolongan dan bimbingan yang telah saya terima daripada seorang mentor.

"Lantas saya tidak teragak-agak membantu membimbing golongan muda dengan berkongsi kepakaran dan pengalaman," jelas Dr Noorul.

Dr Noorul merupakan sekitar 17 mentor di bawah program 'MClub Mentoring' yang dilancarkan oleh Menteri Bertanggungjawab bagi Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), kelmarin.

Di bawah program itu, 17 mentor daripada pelbagai latar belakang seperti perniagaan, kewangan, teknologi maklumat, undang-undang, perubatan, kejuruteraan, perhubungan dan pendidikan akan dipadankan dengan mahasiswa atau lulusan pelbagai institut pengajian tinggi.

Sekitar enam mentor merupakan karyawan bukan Melayu/Islam.

Dr Yaacob berkata inisiatif itu sejajar dengan matla-



BANTU REALISASIKAN POTENSI: (Dari kiri) Cik Siti Suhaila Abdul Wahab dengan mentornya, Encik Ken Koh; Dr Noorul Fatha As'art (mentor) dengan Cik Nur Hani Nasir. – Foto KHALID BABA

mat Kelab Mendaki mahu membangunkan jambatan dengan masyarakat lain dan menyemai minda dan potensi golongan belia.

"Kami berharap dapat menyemai aspirasi belia Melayu/Islam supaya mereka dapat merealisasikan sepenuhnya potensi mereka.

"Ini akan membolehkan mereka maju dalam kerjaya masing-masing dan merealisasikan potensi mereka.

"Saya juga berharap 17 benefisiari atau mentee bukan sahaja dapat memanfaatkan dan menimba ilmu mengenai pelbagai industri dan berjaya dalam kerjaya masing-masing, bahkan menjadi rakyat yang mempunyai kesedaran sosial," kata Dr Yaacob.

Cik Nur Hani Nasir, 21 tahun, pelajar tahun dua di Universiti Nasional Singapu-

ra (NUS) yang dipadankan dengan Dr Noorul berkata beliau berasa gembira diberi kesempatan menimba pengalaman dan kepakaran daripada Dr Noorul.

Ketua program 'MClub Mentoring', Cik Hamidah Aidillah, pula berkata program mentor itu adalah peluang terbaik bagi golongan belia mempelajari dengan lebih mendalam minat mereka selain membuka peluang bagi

mereka membangunkan kekuatan diri.

"Semua mentor adalah karyawan yang amat sibuk, lantas kita telah mengatur program ini supaya ia fleksibel bagi membolehkan 17 mentor itu memberikan masa dan dedikasi dalam tempoh 10 bulan untuk membantu golongan belia menemui sendiri kekuatan dalam diri mereka," jelas Cik Hamidah lagi. – Oleh AZAHAR MOHD.